



UNTUK EDARAN
SEGERA

KENYATAAN MEDIA

**LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA UMUM PELANTIKAN
KETUA EKSEKUTIF DATO' AHMAD NAZIM
BERKUATKUASA 15 JUN 2021**

KUALA LUMPUR, 14 Jun 2021: Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) hari ini mengumumkan pelantikan Ketua Eksekutifnya, YBhg. Dato' Ahmad Nazim Abdul Rahman berkuatkuasa 15 Jun 2021.

Dato' Nazim mengambil alih teraju LTAT daripada Dato' Sri Amrin Awaluddin yang meletakkan jawatannya pada 30 April 2021 untuk berkhidmat sebagai Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji yang baharu.

Pengerusi LTAT, YABhg. Jeneral Dato' Seri DiRaja Tan Sri (Dr) Mohd. Zahidi Hj Zainuddin (Bersara) berkata, "Kami mengalu-alukan kedatangan Dato' Nazim untuk menerajui organisasi LTAT. Dato' Nazim akan memainkan peranan yang penting dalam menerajui inisiatif transformasi serta memacu halatuju LTAT sebagai sebuah dana persaraan yang mampan dan berdaya saing. Kami juga amat yakin pengalaman luas beliau sebelum ini dalam sektor korporat dan pelaburan di beberapa pusat kewangan terkemuka dunia akan membawa perspektif baru bagi menjayakan pelaksanaan strategi transformasi bagi LTAT."

Dato' Nazim mempunyai pengalaman profesional selama 20 tahun dalam bidang pengurusan korporat, kewangan korporat dan pelaburan. Sebelum berkhidmat dengan LTAT, beliau bertugas sebagai Pengarah Urusan bagi rantau Asia Tenggara bersama firma pelaburan dan penasihat, Allied Investment Partners yang beroperasi dari Singapura dan Emiriyah Arab Bersatu. Dato' Nazim pernah berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Pelaburan MARA Berhad dari tahun 2013 hingga 2018 serta merupakan ahli Lembaga perintis National Bank of Abu Dhabi (Malaysia) Berhad.

Selain peranan eksekutif, Dato' Nazim juga berkhidmat sebagai ahli Lembaga beberapa institusi kewangan, syarikat tersenarai dan agensi awam. Beliau kini merupakan ahli Lembaga Pengarah Suruhanjaya Tenaga, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi

Nasional, Omesti Berhad dan Regulus Advisors Pte Ltd, sebuah dana ekuiti persendirian yang berpusat di Singapura.

Beliau memperolehi sarjana bidang ekonomi dan polisi awam di Sciences Po di Perancis dan adalah pemegang anugerah J William Fulbright di Georgetown University, Amerika Syarikat, di mana beliau memperolehi Sarjana Undang-undang. Beliau juga adalah graduan Sarjana Muda Undang-undang dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Seorang yang aktif dalam penulisan, Dato' Nazim adalah kolumnis untuk akhbar The Edge Malaysia, di mana beliau banyak menyuarakan pandangan tentang hal ehwal ekonomi dan kaitannya dengan masyarakat.

Tambahan lagi, Tan Sri Zahidi dan ahli Lembaga LTAT merakamkan ucapan terima kasih kepada Encik Mohammad Ashraf Md Radzi, Ketua Pegawai Kewangan atas kepimpinan serta sumbangannya ketika menanggung tugas sebagai Ketua Eksekutif sejak 3 Mei 2021 selepas Dato' Sri Amrin Awaluddin meletakkan jawatan.

LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA (LTAT) **14 JUN 2021**

Mengenai LTAT

Ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101), LTAT merupakan badan berkanun yang menyediakan kemudahan kepada para Pegawai dan anggota Lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia serta anggota kerahan sukarela menabung untuk persaraan mereka. Di bawah skim LTAT, pencarum dikehendaki wajib mencarum 10% daripada gaji bulanan dan Kerajaan akan mencarum sebanyak 15% sebagai majikan kepada LTAT. Di bawah skim simpanan bagi pencarum sukarela, simpanan dibenarkan sekurang-kurangnya RM25 sebulan sehingga had maksimum RM2,000 sebulan.

LTAT menguruskan hampir RM9.7 bilion Aset Di bawah Pengurusan setakat April 2021, dengan portfolio pelaburan merangkumi pelbagai industri seperti pembangunan harta tanah, perladangan, farmaseutikal, perbankan dan urusniaga kewangan serta industri berat. Kami terus menambah baik dan meningkatkan mutu perkhidmatan dalam usaha memperkuatkkan komitmen kepada lebih 110,000 pencarum aktif. Baru-baru ini, LTAT telah berjaya melancarkan aplikasi MyWIRA yang memberi kemudahan kepada pencarum untuk mengakses akaun mereka di mana sahaja, pada bila-bila masa. Aplikasi MyWIRA ini adalah merupakan alternatif kepada platform atas talian sediada LTAT seperti e-Kiosks dan i-wira.

PERHUBUNGAN MEDIA:

Pn. Nurin Mastura (016 2242615)
Pengurus, Komunikasi Korporat
Jabatan Strategi Korporat
Lembaga Tabung Angkatan Tentera
Tingkat 8, Bangunan LTAT
Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur

E-mel: nurin@ltat.org.my
Laman web: www.ltat.org.my